

23 OCT 1997

DR MAHATHIR AHLI KEHORMAT KOLEJ PERUBATAN DIRAJA EDINBURGH.

EDINBURGH, 23 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini diterima

sebagai ahli kehormat Kolej Pakar Perubatan Diraja Edinburgh.

Dr Mahathir dianugerahkan fellowship kehormat, iaitu rakyat Malaysia

yang pertama untuk menerima anugerah seperti itu sementara Dr Siti Hasmah

diterima sebagai ahli cemerlang sebagai mengiktiraf sumbangan mereka kepada

rakyat Malaysia dan dunia.

Mereka menerima anugerah itu daripada presiden kolej itu Profesor John

Cash dalam satu majlis yang diadakan di dewan Great Hall kolej terkemuka

ini yang ditubuhkan pada 1681.

Dr Mahathir merupakan antara pemimpin dunia yang menjadi ahli kehormat

kolej itu. Pemimpin-pemimpin lain yang menerima anugerah itu ialah bekas

Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew dan bekas Perdana Menteri Pakistan

Benazir Bhuto.

Dr Mahathir tiba di sini pagi ini untuk menghadiri mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) selama tiga hari yang bermula

pada Jumaat.

Di samping menghadiri mesyuarat itu, Perdana Menteri juga dijangka

mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin Komanwel termasuk dari

Cyprus, Malta, Bangladesh, New Zealand, Australia dan Singapura. --

BERNAMA

ZS PR